



MELINDUNGI MASA DEPAN AWDA MELALUI PELABURAN

Bersempena dengan Hari Celik Kewangan Kebangsaan (NFLD), BDCB menggalakkan orang ramai untuk membuat keputusan pelaburan yang bijak bagi menyokong matlamat kewangan jangka panjang mereka.

Pelaburan merupakan salah satu cara untuk mengembangkan wang awda secara bertanggungjawab dari semasa ke semasa dan membantu awda mencapai matlamat masa depan seperti persaraan, pendidikan, pemilikan rumah atau kestabilan kewangan jangka panjang. Walau bagaimanapun, pelaburan bukanlah cara untuk memperoleh keuntungan dengan cepat. Sebelum mula melabur, adalah penting untuk memahami cara pelaburan berfungsi, risiko yang terlibat, dan sama ada awda bersedia dari segi kewangan untuk melabur.

Berikut adalah lima perkara penting yang perlu dipertimbangkan apabila membuat pelaburan:

1. Bina Asas Kewangan yang Kukuh

Sebelum melabur, semak pendapatan, perbelanjaan, simpanan, hutang dan komitmen bulanan awda. Pastikan awda juga mempunyai dana kecemasan yang mencukupi supaya awda tidak terpaksa mengeluarkan wang daripada pelaburan untuk menampung perbelanjaan yang tidak dijangka.

Sebagai panduan umum, hanya laburkan wang yang tidak diperlukan untuk perbelanjaan harian atau komitmen kewangan lain sepanjang tempoh pelaburan.

2. Tetapkan Matlamat Pelaburan yang Jelas

Fikirkan tujuan awda melabur dan bila awda akan memerlukan wang tersebut. Matlamat dan tempoh masa awda akan mempengaruhi jenis produk yang dipilih, berapa lama awda melabur dan tahap risiko yang mampu awda tanggung.

Sebagai contoh, pelaburan berisiko tinggi mungkin tidak sesuai untuk matlamat jangka pendek, manakala tempoh yang lebih panjang mungkin memberi awda lebih banyak masa untuk menghadapi turun naik pasaran.

3. Fahami Produk dan Risikonya

Sebelum melabur, fahami cara produk pelaburan tersebut berfungsi, termasuk risiko, potensi pulangan, yuran, caj, tempoh pelaburan dan syarat pengeluaran. Ketahui syarat-syarat yang berkaitan dan fahami bahawa pulangan pelaburan mungkin berubah-ubah.

Potensi pulangan yang lebih tinggi lazimnya disertai risiko yang lebih tinggi. Jangan membuat keputusan pelaburan semata-mata berdasarkan trend atau apa yang dilakukan oleh orang lain kerana pelaburan yang sesuai untuk seseorang mungkin tidak sesuai untuk awda.



**NATIONAL
FINLIT DAY**

4. Kenal Pasti Tanda-Tanda Amaran

Sebelum melabur, luangkan masa untuk memastikan sama ada peluang pelaburan itu sah dan kenal pasti tanda-tanda amaran yang lazim. Berwaspada terhadap tawaran pelaburan yang menjanjikan pulangan tinggi dengan risiko yang rendah atau tiada risiko, atau yang mendesak awda untuk melabur dengan segera. Tanda-tanda amaran lain termasuk tawaran yang tidak diminta, permintaan bayaran melalui kaedah yang luar biasa, atau promosi melalui laman web dan akaun media sosial yang tidak dikenali. Jika peluang yang ditawarkan terlalu bagus untuk menjadi kenyataan, berhenti seketika dan semak terlebih dahulu.

5. Berurusan Hanya dengan Penyedia Berlesen atau Diberi Kebenaran

Sentiasa pastikan institusi kewangan, perantara atau wakil berkenaan mempunyai lesen untuk menyediakan perkhidmatan pelaburan yang berkaitan dengan merujuk kepada Senarai Pemegang Lesen BDCB dan Senarai Amaran BDCB yang tersedia di laman web BDCB.

Pelaburan boleh menyokong kesejahteraan kewangan jangka panjang awda, namun matlamatnya bukanlah untuk mengejar keuntungan dengan cepat. Sebaliknya, bina asas kewangan yang kukuh, tetapkan matlamat yang jelas, fahami risikonya dan buat keputusan pelaburan yang bijak dan bersesuaian dengan keadaan awda.

Hari Celik Kewangan Kebangsaan ialah acara celik kewangan tahunan yang diterajui oleh Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dan disokong oleh Majlis Kebangsaan Celik Kewangan (MKCK). Antara objektif acara ini adalah untuk:

1. Meningkatkan tahap celik kewangan di Brunei Darussalam;
2. Menggalakkan pengurusan kewangan yang bijak; dan
3. Meningkatkan kesedaran mengenai produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan di Negara Brunei Darussalam.

Bersama-sama kita membina masyarakat yang celik dan berdaya tahan dari segi kewangan.